

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9 BILANGAN 4.

RABU 19 FEBRUARI, 1964.

دابو 6 شوال، 1383

PERCHUMA

D. Y. M. M. MENYERU RA'AYAT

SUPAYA MENGERATKAN TALI PERSAHABATAN ANTARA SATU SAMA LAIN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah bahawa hanya dengan keamanan akan menghasilkan kema'amoran dan Baginda berharap kema'amoran itu akan dapat di-nikmati oleh seluruh lapisan ra'ayat dengan bekerja keras serta bersunggoh2 membina kemajuan negara.

Baginda telah melafadzkan titah tersebut melalui Radio Brunei pada hari Sabtu yang lalu sa-bagai menyambut lahirnya Hari Raya Aidil Fitri tahun ini.

Dalam titah uchapan Selamat Hari Raya Baginda kepada seluruh ra'ayat Islam di-negeri ini, Duli Yang Maha Mulia mene-gaskan bahawa seluruh lapisan ra'ayat hendak-lah menanam semangat patoh kapada tugas dan kewajipan serta semangat kebangsaan yang luas serta menanam semangat persaudaraan antara bangsa yang sehat dari segi kemanusiaan.

Selanjutnya dalam titah uchapan tersebut, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bertitah bahawa Baginda mempunyai penoh keperchayaan ia-itu segala kemajuan akan tercapai dengan ada-nya keinsafan dan kerjasama yang penoh antara ra'ayat dengan Kerajaan dan antara orang Islam dengan orang Islam yang lain-nya.

"Pada hari ini sekalian Umat Islam telah mendapat kegembiraan serta bershukor kepada Allah.

BERTAKBIR BERAMAI2

"Mereka bertakbir beramai2 di-rumah2 dan di-Masjid2 seluruh negara. Mereka memakai pakaian2 baharu dan berjamu makan minum, berma'af dan menyambong silatulrahim. Dengan hati yang amat senang dan riang kerana sa-telah menempoh berjenis duga'an dan kesulitan pada masa berpuasa di-dalam bulan Ramdzan sesudah sempurna dan berakhir.

"Ini dapat di-umpamakan sebagai orang yang melaksanakan usaha tanaman, maka hari ini segala susah payah dan titek pe-loh yang di-churahkan kepada daya usaha tanaman itu, sudah-lah mengeluarkan hasil dan po-hon2 itu sudah-lah mengeluarkan

buah2an yang segar dan manis lagi lazat rasa-nya", titah Baginda.

Sa-terusnya Duli Yang Maha Mulia bertitah, "Hari Raya ini, ia-lah Hari Raya dan hari upa-chara kemenangan dan kejayaan Umat Islam menghadapi ujian puasa dengan mempunyai kekuatan dan ketabahan yang istimewa.

Dalam ujian itu, Umat Islam

saudara'an yang se-jati sa-bagaimana yang di-ajar oleh Ugama Islam, di-sertai dengan menumpukan niat dengan sa-penoh su-chi kapada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Dari amal puasa itu, dapat memahirkan Umat Islam sa-bagai umat yang suchi mulia berseh, mengerjakan amal kebajikan, bernegara dalam negara yang aman bahagia, hidup-nya mulia serta suchi dan mati-nya berguna, hati-nya sentiasa ter-ikat kapada membuat amal ke-



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini pada masa ketibaan Baginda di-Masjid Omar Ali Saifuddin untuk Bersebanyak Raya Aidil Fitri. Di-belakang Baginda ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, di-duga akan kebesaran-nya pada melaksanakan daya tugas dan kewajipan dan kekuatan jiwa-nya menanggong kesusaahan dan bertambah kekuatan tenaga di-dalam merapatkan diri-nya dengan Allah dan dengan ada-nya kebersehan jiwa Umat Islam dapat-lah menjamin hidup-nya dengan keimanan dan keyakinan kapada Allah, penoh dengan keyakinan kapada faham berper-kemanusiaan dan faham per-

bajikan dan suchi berseh di-dalam dan untuk masharifikat dan negara yang di-kasehi-nya kerana Allah".

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan juga menyeru kapada seluruh lapisan ra'ayat supaya mengeratkan tali persahabatan antara satu sama lain dengan tidak mengira ugama dan jujar pada menjalankan tugas bagi ketenteraman dan keama-nan negara.

D.Y.M.M. Berchemar
Duli Ka-Masjid
Omar Ali Saifuddin

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar duli ka-Masjid Omar Ali Saifuddin pada pagi hari Sabtu yang lalu untuk Bersebanyak Raya Aidil Fitri, bersama2 dengan ra'ayat jelata.

Beribus2 orang umat Islam telah menyempurnakan Sem-bahyang Raya bukan sahaja dalam bangunan Masjid Omar Ali Saifuddin, bahkan di-pekarangan Masjid itu juga pada pagi hari tersebut.

Khotbah Hari Raya telah di-bachakan oleh Mufti Brunei, Sahibul Fadhilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Sa-lepas di-adakan Sembahyang Raya, orang2 yang hadir di-Masjid Omar Ali Saifuddin telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sul-tan.

Sementara itu, Duli Yang Maha Mulia telah mengunjungi banyak rumah orang2 Islam di-sini pada hari Sabtu yang lalu untuk Berhari Raya.

Beribus2 orang dari berbagai2 bangsa telah berkunjung ka-Istana Darul Hana semenjak hari Ahad yang lalu untuk menguchapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta Putera2 dan Puteri2 Baginda2.

P.J.T. Inggeris
Menguchapkan
Selamat Hari Raya

BANDAR BRUNEI. — Pes-roh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche E.O. Laird telah menyampaikan Uchapan Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan Selamat Tahun Baru China, pada julong2 kali melalui Radio Brunei pada pagi Hari Raya Aidil Fitri.

Inche Laird berkata dalam uchapan-nya bahawa ini-lah satu masa yang berbahagia dalam tahun ini untuk ra'ayat2 Brunei — apakala kedua2 Hari Raya Puasa dan Tahun Baru China dapat di-rayakan serentak.

Lihat Muka 5

400 ORANG MURID2 BARU BELAJAR DI-SEKOLAH2 INGGERIS KERAJAAN

BANDAR BRUNEI.—Sa-ramai 400 orang murid2 dari Sekolah2 Melayu dan Chung Hwa telah di-terima untuk masuk ke-Sekolah2 Inggeris Kerajaan Brunei dengan mendapat pelajaran perchuma dari Kerajaan Brunei bagi tahun 1964.

Jumlah murid2 dari tiap2 buah Sekolah ada-lah saperti berikut:

Sekolah Melayu S.M.J.A., Brunei 50 orang, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah 25 orang, Sekolah Melayu Pintu Malim 25 orang, Sekolah Melayu Sungai Kebun 12 orang, Sekolah Melayu Lela Menchanai 19 orang, Sekolah Melayu Muara 14 orang, Sekolah Melayu Tanah Jambu 2 orang, Sekolah Melayu Sungai Hanching 2 orang, Sekolah Melayu Delima 12 orang.

Sekolah Melayu Lambak 12 orang, Sekolah Melayu Burong Pingai 3 orang, Sekolah Melayu Gadong 4 orang, Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut 4 orang, Sekolah Melayu Bengkong 4 orang, Sekolah Melayu Kilanas 3 orang, Sekolah Melayu Sengkurong 7 orang, Sekolah Melayu Kati Maher 3 orang, Sekolah Melayu O.K.B. Imas 8 orang, Sekolah Melayu Sungai Besar 6 orang.

Badan Perkembangan Bahasa Dan Budaya

BANDAR BRUNEI.—Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei akan mengadakan Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya untuk memberi peluang kapada peminat2 bahasa dan budaya, mengambil bahagian bagi mengusahakan perkembangan bahasa dan budaya di-negeri ini.

Tujuan badan ini akan menjalankan usaha2 untuk—

(a) menjayakan tujuan dasar Bahagian Bahasa dan Pustaka;

(1) berusaha dan berikhtiar untuk memperkembangkan dan meninggikan bahasa Melayu;

(2) mensesuaikan pemakaian bahasa Melayu yang telah dijadikan Bahasa Rasmi Negeri ini mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan sabagaimana yang di-persharatkan oleh bab 82 (1) dari Perlembagaan;

(3) menggalakkan orang2 yang berkebolehan dalam mempelajari bahasa Melayu (Bahasa Rasmi).

Peminat2 bahasa dan budaya yang suka menjadi ahli Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, ada-lah di-persilakan datang atau berhubung dengan Pengelola Perkembangan Bahasa dan Pustaka, Brunei bagi mendapatkan borang masuk menjadi ahli dan peratoran2 (Undang2) Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya ini.

Sekolah Melayu Lumapas 3 orang, Sekolah Melayu Masin 1 orang Sekolah Melayu Pengkalan Batu 2 orang, Sekolah Melayu Lumau Manis 2 orang, Sekolah Melayu Panchor Murai 2 orang, Sekolah Melayu Penanjong, Tutong 7 orang, Sekolah Melayu Keriam 1 orang, Sekolah Melayu Birau 1 orang, Sekolah Melayu Kiudang 1 orang, Sekolah Melayu Lamumini 1 orang.

Sekolah Melayu Bukit Udal 3 orang, Sekolah Melayu Tanjung Maya 2 orang, Sekolah Melayu Kupang 5 orang, Sekolah Melayu Muda Hashim 14 orang, Sekolah Melayu Layong 3 orang, Sekolah Melayu Sinaut 5 orang, Sekolah Melayu Ukong 1 orang, Sekolah Melayu Rambah 1 orang, Sekolah Melayu Kuala Belait 2 orang, Sekolah Melayu Rampayoh 3 orang.

Sekolah Melayu Labi 1 orang, Sekolah Melayu Danau 4 orang, Sekolah Melayu Sungai Liang 2 orang, Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria 25 orang, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, K. Belait 24 orang, Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar, 6 orang, Sekolah Melayu Puni, Temburong 1 orang, Sekolah Melayu Labu Estate 2 orang, Sekolah Melayu Piasau2 Labu 1 orang, Sekolah Melayu Batu Marang 1 orang.

Sekolah Chung Hwa, Bandar Brunei 8 orang, Sekolah Chung Hwa, Tutong 3 orang, Sekolah Chung Hwa, Kuala Belait 17 orang, Sekolah Chung Chin, Seria 22 orang, Sekolah Chung Lian, Sg. Liang 3 orang, Sekolah Pai Yuck, Temburong 1 orang.

MAJLIS PEMBEASAN ORANG2 TAHANAN

BUNUT.—Satu majlis pembebasan 36 orang tahanan telah di-adakan di-Pusat Pemulehan Bunut pada petang 28 Januari.


Orang2 tahanan itu ia-lah dari Kumpulan yang ke-22 orang2 tahanan yang telah di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Bunut.

Mereka telah menghadiri kursus pemulehan sa-mula itu selama 10 hari dan telah balek ka-kampong masing2 pada pagi 29 Januari.

Dengan ini seramai 1,154 orang telah di-bebasan dari Pusat Pemulehan Bunut.

Majlis itu di-mulai dengan istiadat mengangkat sumpah di-hadapan Tuan Haji Abdul Rahman dari Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei.

SEMBAHYANG HARI RAYA



Oleh kerana Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah penoh sesak, maka jama'ah yang datang terkemudian terpaksa menunaikan sembahyang Hari Raya Puasa pada tahun ini di-pekarangan mesjid itu.

PEGAWAI2 BARU MAJLIS PEMUDA PEMUDI NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah di-lantek sa-mula sa-bagai Yang Dipertua, Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei untuk tahun 1964/1965 dalam Mashuarat Agong Majlis Pemuda Pemudi itu yang telah di-langsungkan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at 7 Februari.

Pegawai2 baharu Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei yang lain yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-1 ah seperti di-bawah ini :

Naib Yang Dipertua — Abang Abu Hanifah, Setia Usaha — Inche Yahya Yusof. Penolong Setia Usaha — Dayangku Intan binti Pengiran Apong. Benda-hari — Inche Abdul Manaf bin Jambol.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Inche Mohamed Diah bin Layeh, Inche Ramle Abdul Kadir, Inche Ju-naidi Mohamed Said, Awangku Yakub bin Pengiran Mohammed dan Puan Rogayah binti Abdul Rahman.

Majlis tersebut telah bersetuju membentok sa-buah Jawatan Kuasa Kechil untuk mengkaji Rang Undang2 Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Mereka ia-lah Inche Ibrahim bin Mohamed Said, Inche Ramle Kadir, Tuan Haji Tarif bin Haji Mohamed, Inche Kamaludin bin Penyurat Haji Abu Bakar serta Yang Dipertua Majlis tersebut dan Setia Usaha-nya atau pon Penolong Setia Usaha-nya.

Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei Pengiran Haji Puteh, ketika melafazkan uchapan di-majlis tersebut sal-epas di-adakan lantekan Pegawai2 Baharu M. P. P. N. B., telah menguchapkan "Selamat Datang" kapada Pegawai2 Baharu itu dan berharap sa-moga mereka akan menjalankan kewajipan masing2 untuk kemajuan Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Beliau sa-terus-nya telah menempat persatuan2 belia di-Negeri Brunei yang belum lagi bergabong dengan Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei supaya bergabong dengan Majlis itu.

Kemudian Yang Mulia Pengiran Ahmad bin Almerhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin telah memberikan satu uchapan mengandungi nasihat kepada bekas orang2 tahanan itu.

Dalam uchapan-nya Pengiran Ahmad telah menasihatkan bekas orang2 tahanan itu supaya mereka bekerjasama dengan pehak Kerajaan satelah mereka di-bekaskan.

Pengiran Ahmad telah menasihatkan bekas orang2 tahanan itu supaya mereka menjadi raya'at yang berguna dan berfaedah kapada masyarakat pada sa-tiap masa.

Majlis itu di-akhiri dengan baca'an do'a selamat oleh Tuan Haji Abdul Rahman.

WAKIL2 BRUNEI MENGHADIRI MUKTAMAR ISLAM SA-DUNIA



Wakil2 Brunei kelihatan dalam gambar ini pada masa menghadiri Muktamar Islam Sa-Dunia di-Kuala Lumpur baru2 ini. Di-tengah ia-lah Mufti Brunei, Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan di-kanan sekali ia-lah Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Seruddin. Di-kiri sekali ia-lah sa-orang wakil dari Burma, Inche Mohamed Ariff Nakhoda. Gambar dengan cahan Jabatan Penerangan Kerajaan Malaysia.

BERAKAS. — Perwakilan Negeri Brunei ka-Muktamar Islam Sa-Dunia, bagi kawasan Asia Tenggara telah kembali ke negeri ini pada tengah hari 9 Februari dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur.

Beliau2 ia-lah Mufti Brunei, Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Seruddin.

Seramai 60 orang wakil2 dari 16 buah negara, telah menghadiri Muktamar tersebut yang telah di-langsangkan di-Dewan Tengku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dari 31 Januari hingga 5 Februari.

Ini-lah kali yang ke-dua Negeri Brunei menghantarkan wakil2 untuk menghadiri Muktamar Islam Sa-Dunia.

Pada tahun yang lalu Mufti Brunei, Tuan Haji Ismail bin

Omar Abdul Aziz dan bekas Kadhi Tutong, Inche Ishak bin Adam yang pada masa ini menjadi Kadhi Temburong telah menghadiri Muktamar Islam Sa-Dunia di-Baghdad.

KAMPONG KERIAM. — Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani bin Hassan telah merasmikan pembukaan Dewan Persatuan Melayu Keriam, Tutong dalam satu upacara yang berselang di-kalangan penduduk2 di-Kampung Keriam pada pagi hari Ahad 16 Februari, 1964.

Dewan tersebut telah dibina dari derma bakti dan sumbangan tenaga oleh ahli2 Persatuan Melayu Keriam serta penduduk2 Kampung Keriam.

Uchapan2 telah dilafazkan di-majlis tersebut oleh Inche Abdul Ghani bin Hassan; Pengurus Majlis Pembukaan Dewan P.M.K.T., Inche Junaidi bin Mohamed Said; Yang Dipertua P.M.K.T., Inche Mohamed Noor bin Awang Besar; Setia Usaha Agong P.M.K.T., Inche Simpul bin Abdul Latiff; Yang Dipertua Majlis Pemuda Negeri Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamed; Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar; Yang Mulia Penyurat Haji Abu Bakar; Penasehat Tetap P.M.K.T., Inche Mohamed Yusof bin Ahmad; Setia Usaha Pembukaan Rasmi Dewan P.M.K.T., Inche Junaidi bin O.K.S.N. Mohd Safar dan lain2nya.

Kemudian satu upacara menyampaikan chenderamata2 telah di-adakan di-majlis tersebut.

Yang Mulia Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar bin Mohamed Saleh telah menyampaikan chenderamata itu kepada Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani bin Hassan.

Radio Brunei Akan Menikmati Penerimaan Lebih Baik Lagi

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir telah memberi jaminan bahawa para pendengar Radio Brunei akan dapat menikmati penerimaan yang lebih baik lagi apabila alat pemanchar yang baharu dan lebih kuat letaknya tidak jauh dari Bandar Brunei akan memulakan siaran-nya kudara tidak berapa lama lagi.

Beliau telah mengulas sa-puchok surat yang di-siarkan dalam akhbar "Borneo Bulletin" keluaran 11 Januari, 1964 bahawa para pendengar ranchangan Inggeris telah mengalami gangguan dalam penerimaan mereka.

Gelombang 242 meter dari mana ranchangan Inggeris itu dipancarkan, tegas beliau, telah digunakan terus menerus sejak tahun 1958 dan telah dipancarkan dari Pemancharan Besar di Pekan Tutong.

Pancarkan tersebut boleh-lah kedengaran di-seluruh Negeri Brunei, Labuan dan juga di-beberapa kawasan di-Sarawak dan Sabah.

Yang Berhormat Inche Salleh Kadir menerangkan lagi bahawa sejak 1 Januari tahun ini, masa ranchangan Bahagian Melayu juga telah di-lanjutkan hingga k-pukol 10.30 malam, ia-itu ta-

mat serentak dengan siaran bahagian Inggeris.

Oleh sebab tidak mungkin bagi kedua2 ranchangan tersebut dipancarkan ka-udara melalui gelombang yang sama, maka ranchangan bahagian Inggeris dipancarkan sejara bersendirian di-gelombang meter yang lain.

Mengenai gangguan penerimaan pula, kata beliau, bukanlah terbit dari Studio Radio Brunei, akan tetapi dari lain2 stesen2 yang menggunakan gelombang yang sama.

Penggunaan gelombang itu ada-lah di-kawal oleh Lembaga Peruntukan Gelombang Antara Bangsa.

Gangguan yang serupa itu juga ada-lah di-alami oleh para pendengar di-seluruh dunia ini dan ini ada-lah bergantong kepada kekuatan pusat2 pemancharan siaran radio.

Pegawai Daerah Tutong Pembukaan Dewan P.M.K.T.

Merasmikan

chaan Do'a Selamat oleh Chegu Abdullah Haji Ridin sa-lepas di-adakan "Jamuan Makan Hari Raya."

Kemudian Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani telah menanam sa-buah pohon kelapa di-kawasan Dewan Persatuan Melayu Keriam sa-bagi tanda kenangan pembukaan rasmi Dewan P.M.K.T., pada hari Ahad yang lalu.

Majlis Hari Raya Dan "Kong Hee Fatt Choi"

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Persatuan Belia Bandar Brunei akan mengadakan satu majlis sambutan Hari Raya Puasa dan "Kong Hee Fatt Choi" bertempat di-Sport Klab, di-sini pada 21 Februari mulai pukol 8 malam.

Majlis itu akan mengandungi tarian2 dan di-ikuti dengan jamuan makan kechil.

Tetamu2 khas juga akan menyertai majlis tersebut.

PARAJURIT2 BERCHUTI DI-TANAH AYER

BANDAR BRUNEI. — Seramai 46 orang anggota2 Askar Melayu Brunei telah kembali ke Brunei dengan kapal laut dari Negeri Sembilan pada tengah hari 12 Februari untuk berchuti di-Tanah Ayer.

Pegawai Perhubungan Askar Melayu Brunei, Major K. Riley telah menyambut parajurit2 ter-

sebut di-Labuan ketika mereka tiba dari Singapura dengan kapal Kimanis.

Major Riley telah tiba di Brunei bersama2 dengan parajurit2 tersebut.

Anggota2 Askar Melayu tersebut di-jadualkan balek ka-Negeri Sembilan pada awal bulan Mach.

Derma Dan Jamuan Hari Raya

BANDAR BRUNEI. — Kira2 300 orang anak2 yatim di-kawasan kampung Ayer dan di-kampung2 kawasan bandaran telah menerima derma wang untuk menyambut ketibaan Hari Raya tahun ini.

Derma wang yang sa-banyak \$5 tiap2 sa-orang itu, telah dibagi2kan kepada anak2 yatim yang berdaftar dari kampung2 yang berkenaan.

Usaha menderma kepada anak2 yatim, orang2 sakit dan banduan2 itu telah di-jalankan oleh sa-buah jawatankuasa yang di-bentuk dan telah bergerak sejak 8 tahun yang lalu.

Derma2 untuk orang2 sakit di Rumah Sakit Bandar Brunei dan banduan2 di Penjara Jerudong ada-lah berupa kueh mueh, buah2an, manisan2 dan lain2nya.

DUA HARI RAYA SA-BAYA

'AIDIL-FITRI DAN KONG HEE FATT CHOI'

PERAYAAN Hari Raya Aidil Fitri tahun ini bolehlah di-katakan agak meriah juga, sa-bagaimana ia-nya harus di-sambut dengan penoh shukor dan seruan takbir Allahu Akbar.

Gema takbir memuji kebesaran Allah itu sudah mulai berkumandang di-angkasa Islam, menjelangnya Hari Raya pada 15 Februari, 1964 lepas. Sambutan tahun ini sa-rentak di-adakan oleh negara2 di-bahagian dunia simi.

Bangun-lah seluroh Muslimin dan Muslimat menyerukan Allahu Akbar bertalu2... Kaya dan miskin di-mata Allah sama sa-rupa. Sama merasai nikmat Allah.

Bertambah pula meriahnya apabila sambutan Hari Raya Puasa jatoh pada ketika yang sama dengan Hari Raya Tahun Baru China. Jarang2 dua hari raya yang di-anut oleh dua kaum yang besar di-kawasan dunia ini sa-baya mengambil tempat. Berpuluhan2 tahun dan boleh jadi beratus2 tahun jarang sa-kali tepat ketika-nya.

Suasana makin nyata lebuh gembira dan meriah apabila uchap "Kong Hee Fatt Choi" menerima jawapan dengan "...ya, sama2. Selamat Hari Raya juga kapada saudara".

Beberapa hari sa-belum menjelangnya kedua hari raya itu, seluroh bandar dan pekan di-tanah ayer penoh sesak dengan ma'anusia membeli-belah untuk persediaan menyambut hari yang mulia.

PERSEDIAAN

Di-kampung2 kelihatan orang2 dalam keadaan sebok membuat berbagai2 persediaan sa-perti menchat rumah, membersehkan halaman dan memasang chuchul untuk menambahkan seri dan gemilang sambutan hari raya. Tidak ketinggalan kaum wanita dengan menyediakan kueh-mueh yang lazat dan berbagai ragam bagi hidangan kepada sahabat handai yang datang berkunjung untuk menguchapkan selamat berhari raya dan bersalam2an.

Sementara itu pula orang2 China, sa-bagaimana biasa, telah sebok menyediakan alat2 untuk Tarian Singa dan persediaan untuk Tahun Baru.

Kerana suasana masih dalam lengkongan undang2 dharurat tidak-lah ada pembakaran marshun atau mana2 jenis letupan2 di-buat di-seluroh negeri.

Kemudian beberapa ketika sabelum fajar menyinsing kuman-dang seruan Allahu Akbar bertalu2 makin bergema dan menimbulkan perasaan yang beraneka ragam. Gembira bagi yang mampu menyambutnya dengan penoh kebolehan. Sayu dan hiba bagi yang kurang kemampuan!

Bagi rakan2 yang berada di-perantauan orang perasaan hiba

amat menyayat di-lubok kalbu, mengengangkan kampong hala-man, ibu-bapa dan sanak saudara. Perasaan rindu timbul dan melayang jauh. Mereka terpaksa berjarak kerana mena-hut seruan pertiwi untuk menggembira di-'alam penuntutan dan pelajaran.

Bagi ibu bapa yang menyambut hari bahagia di-rumah sendiri ada juga perasaan ter-kenangkan anak2 yang jauh di-perantauan orang itu, tetapi dapat juga di-atasi oleh suasana 'alam keliling.

PEMANDANGAN


Pemandangan di-tanah ayer, terutama dari kalangan kanak2, ada-lah kelihatan gembira. De-nengan pakaian yang serba baru dan berwarna warni ramai-lah mereka berdoyon2 membanjiri dari rumah ka-rumah untuk menguchapkan selamat Hari Raya kapada kawan2 dan ibu-bapa.

Sa-waktu bersembahyang Hari Raya di-mana2 mesjid di-seluroh pelusok negeri ada-lah sesak de-nengan para jama'ah dengan ayer muka yang jerneh dan pakaian yang serba berseh tanda keshukuran dan girang.

Di-Bandar Brunei, beribu2 umat Islam telah bersama2 dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Maulana Al-Sultan bersembahyang Hari Raya di-Mesjid (Besar) Omar Ali Saifuddin, yang penoh sesak dan hingga membawa ka-pekarangan Mesjid itu.

Duli Yang Maha Mulia sendiri telah membukakan Istana Baginda untuk di-lawati oleh ra'-ayat selurohnya mulai dari dua haribulan Shawal sa-lama empat hari.

Sa-takat Pelita Brunei siap di-sediakan untuk di-chitak lebuh



Beberapa hari menjelangnya hari-raya2 "Kong Hee Fatt Choi" dan 'Idil Fitri, kedai2 dan pasar telah penoh sesak menjadi tumpuan ma'anusia. Pemandangan yang di-ambil di-suatu kedai di-Bandar Brunei ini menunjukkan suasana membeli-belah.

dari lapan ribu orang yang terdiri dari seluroh lapisan masharakat, tua-muda, lelaki-perempuan, dan kanak2 telah datang mengadaun untuk menguchapkan Selamat Hari Raya kepada Baginda.

Pada keselurohan-nya su-a-sana di-tanah ayer dalam sambutan Hari Raya tahun ini ada-lah menunjukkan tanda2 kesedaran bagi seluroh penduduk dan ra'-ayat.

Keamanan yang sudah sa-makin puleh itu hampir2 dapat membentuk tenaga dan jiwa yang baharu bagi menempoh ke-majuan dan mengekalkan ta'at setia kepada negeri, Ugama dan Sultan, dan sa-bagai ra'-ayat yang sedar dan insaf dengan tanggong jawab.

Lebih2 lagi untuk mencipta lebuh rapat hubungan2 antara sa-orang ra'-ayat dengan masharakat, antara masharakat dengan

PENGUMUMAN LEMBAGA BANDARAN BELAIT

KUALA BELAIT. — Orang ramai di-Kuala Belait dan Seria yang mempunyai anjing ada-lah di-peringatkan supaya mereka mengambil lesen untuk anjing masing2 bagi tahun 1964.

Lesen tersebut boleh-lah di-dapat dari Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait atau pun di-Pejabat Lembaga Bandaran, Seria tidak lewat dari 2 Mach, 1964.

S-lepas tarikh tersebut, tinda-kan menyumpit akan di-jalankan bagi memusnahkan anjing2 yang tidak berlesen atau anjing2 yang tidak bertuan.

TINDAKAN

Tindakan itu akan di-jalankan bersama oleh Pegawai2 Lembaga Bandaran dan Pulis. Demikian menurut satu siaran yang di-ter-bitkan oleh Lembaga Bandaran, Kuala Belait.

kerajaan, antara kerajaan de-ngan ra'-ayat, dan antara ra'-ayat dengan Sultan.

Ke-semua hasrat dan chita2 dan dengan di-sertai oleh ke-jujoran dan kesuchian hati, akan menimbulkan sempena baik dalam menyambut hari baik bulan baik ini, walau pun bentuk chorak sambutan yang dapat di-lakukan agak berper-ingkat2.

KESEMPURNAAN

Bagaimana pun, pujaan ka-hadhrat Ilahi di-hari chemerlang ini ada-lah mendatangkan ke-legaan fikiran dan ketenteraman jiwa sa-lepas sa-bulan menem-pohi ujian hidup dalam Islam.

Tatkala berpuasa sama berlapar dan menghadapi pantang la-rang untuk kesempurnaan puasa. Hanya kehidupan terpaksa me-nurut ukuran dari gulongan ka-gulongan yang lain, walau pun pada hati yang menerima nik-mat Tuhan itu tiada berbeza.

KEBUDAYAAN SA-PINTAS

LALU

Kita tidak dapat menyikan sambongan ranchana mengenai kebudayaan sa-pintas lalu kali ini, dan ber-harap akan dapat di-muat pada keluaran yang akan datang.

Harap ma'af.

PENGARANG.

Keputusan Peraduan Membacha Al-Koran Antara Bangsa

KUALA LUMPUR.—Inche Hassan bin Musa dari Malaysia telah berjaya menyandang gelaran johan dalam Peraduan Membacha Al-Koran Al-Karim Antara Bangsa, manakala Tuan Haji Ahmad Shakri dari Thailand telah menjadi naib johan dan Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Shamsuddin dari Malaysia telah menjadi pemenang ke-tiga dalam peraduan tersebut.

Perkahwinan Dan Pencherian

BRUNEI.—Pencherian dalam tahun lalu telah menunjukkan lebih baik sa-dikit dari tahun 1962 apakala 37 pencherian telah berlaku, berbanding dengan 39 pencherian yang bercakal dalam tahun 1962.

Demikian menurut satu penyata yang di-keluarkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama Islam, Brunei.

Penyata itu juga menyatakan bahawa sa-ramai 350 orang telah bernikah dalam tahun 1962, dan 300 orang dalam tahun lepas.

P.J.T. Inggeris Menguchapkan Selamat Hari Raya

(DARI MUKA SATU)

"Tahun ini ia-lah tahun yang pertama kali-nya saya berada di-negeri ini meraikan perayaan ini dan saya berharap saya akan berada di-sini untuk menyertai perayaan2 serupa ini pada masa yang akan datang.

"Isteri saya dan saya sekarang telah berada di-Brunei selama dua bulan. Dari sa-hari demi sa-hari, kami berdua semakin mengetahui tentang orang2 yang tinggal di-sini, chara2 penghidupan mereka, masa'alah2 dan chita2 mereka untuk masa kehadapan; dan kami lagi2 bersukacita kerana kami dapat datang ka-Brunei di-sa'at ini" kata Inche Laird.

Beliau dan isteri menguchapkan kapada Umat Islam sekalian, moga2 berada dalam keadaan bahagia dan aman ma'amor di-masa hadapan.

Peraduan itu telah di-adakan di-Kuala Lumpur baru-baru ini dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan Umat Islam.

Hadiah2 untuk khari2 yang berjaya dan kepada khari2 yang mengambil bahagian dalam Peraduan Membacha Al-Koran Antara Bangsa serta juga hadiah2 kapada khari2 dan khariah2 yang berjaya dalam Peraduan Membacha Al-Koran Perengkat Kebangsaan dan lain2nya telah di-sampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di-Stadium Merdeka.

Keputusan penoh peraduan tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Pertama: Malaysia — 89 markah. Kedua: Thailand — 87 markah. Ketiga: Malaysia — 86 markah.

Ke-empat: Thailand — 85 markah. Ke-lima: Brunei — 69 markah. Ke-enam: Pakistan — 68½ markah. Ke-tujuh: Brunei — 68 markah. Ke-delapan: India — 67 markah. Ke-sembilan: Filipina — 66 markah dan ke-sepoluh: India — 64 markah.


Empat orang telah menghakimkan peraduan tersebut, ia-itu dua orang dari Republik Arab Bersatu, sa-orang dari Arab Saudi dan sa-orang lagi dari Thailand.

DARJAH BOOK-KEEPING

BANDAR BRUNEI.—Darjah Book-keeping akan dibuka pada hari Rabu 19 Februari 1964.

PASAR GEMBIRA

SERIA.—Temasha Pasar Gembira Derma Bakti yang di-adakan di-Kawasan Sukan Seria sejak malam 13 Februari akan tamat pada malam ini.



SERIA.—Puan Zahrah binte Taulah (gambar atas), berumur 130 tahun, ia-lah bakal Haji yang tertua dari Brunei tahun ini.

kenyataan2 yang boleh di-perchayai sekarang sudah meningkat 130 tahun.

Puan Zahrah masih mempunyai penglihatan dan pendengaran yang terang.

Dengan suara yang rentang beliau berchakap2 dengan wakil Pelita Brunei dan berkata: "Niniek ini sudah tua. Banyak kejadian2 dan perkara2 yang niniek sudah alami dan lihat sendiri," kata beliau.

Puan Zahrah telah di-temani oleh sa-orang piut-nya.

Lawatan Pegawai Pemeriksa Sukatan Dan Timbangan

BANDAR BRUNEI.—Pegawai Pemeriksa Sukatan dan Timbangan akan melawat tempat2 yang berikut dalam bulan Februari, Mach dan April, 1964.

Bandar Brunei 18 Februari — 22 Februari.

*Labu, Batu Apoi, Temburong Lama, Biang Estate dan Belaban Bangar termasok Pandaruan 24 Februari — 27 Februari.

Bandar Brunei 2 Mach — 7 Mach.

Sengkurong 9 Mach .
Tutong dan Danau 10 Mach—16 Mach.

Tunggulian dan Sungai Liang 17 Mach.

Bandar Brunei 18 Mach — 21 Mach.

Kuala Belait 23 Mach.
Kuala Balai 24 Mach.

* Bukit Puan dan Labi 25 Mach—27 Mach.


* Bukit Sawat, Pengkalan Siong 28 Mach.

Kuala Belait (Pejabat Penerangan) 30 Mach—11 April
Seria 13 April—18 April.

* Tertalok kapada perubahan.

Penduduk2 yang mempunyai perkakas Sukatan dan Timbangan dari Kampung Botu Apoi, Temburong Lama, Biang Estate, Belaban dan Pandaruan hendaklah membawa perkakas mereka itu ka-Opis Kerajaan di-Bangar atau di-bilek Bachaan Pejabat Penerangan Temburong di-antra 24 Februari hingga 27 Februari.

Penduduk2 yang mempunyai perkakas Sukatan dan Timbangan dari Kampong Danau hendaklah membawa perkakas2 mereka ka-Opis Kerajaan di-Tutong di-antara 10 Mach hingga 16 Mach.



Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah merasmikan pembukaan Seminar Belia Sa-Negeri Brunei di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dalam bulan Januari yang lalu. Gambar ini telah di-ambil sa-lepas pembukaan rasmi Seminar tersebut.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Imam Dan Penyiasat Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini dalam Pejabat Hal Ehwal Ugama:—

(a) IMAM: (2 jawatan kosong di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan 1 jawatan kosong di-Masjid Batu Apoi).

Sharat2 untuk memohon jawatan ini ia-lah saperti berikut:—

i) Umor di-antara 25 tahun hingga 50 tahun.

ii) Hendak-lah mengetahui ilmu dan rukun2 hal-ehwal Ugama Islam;

iii) Satu pepercayaan mengenai pengetahuan hal-ehwal Ugama Islam akan di-adakan.

iv) Untuk Imam Masjid Bandar Brunei, Pegawai2 Masjid

Oinar Ali Saifuddin Bandar Brunei ada-lah di-utamakan;

v) Untuk Imam Masjid Batu Apoi, pendudok2 Kampong lebuh di-utamakan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji U.4 (II) (III). Gaji permulaan ada-lah di-timbangkan mengikut kelayakan.

(b) PENYIASAT HAL-EHWAL UGAMA: (2 jawatan kosong).

Sharat2 untuk memohon jawatan ini ia-lah saperti berikut:—

i) Umor di-antara 20 tahun hingga 35 tahun;

ii) Hendak-lah lulus sa-kurang2nya dalam Darjah V Sekolah Melayu,

iii) Hendak-lah mengetahui ilmu dan rukun2 hal-ehwal Ugama Islam;

iv) Satu pepercayaan mengenai pengetahuan hal-ehwal Ugama Islam akan di-adakan;

v) Pegawai yang berpengalaman mengenai ini ada-lah di-kehendaki.

Gaji: Dalam tingkatan gaji E.3 -\$250x10-300.

Permohonan2 mesti-lah di-pehnoh di atas borang2 yang boleh diperolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kapada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 1 Mach, 1964.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu.

AHLI BOMBA PELATEH

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat dan mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi jawatan sebagai Ahli Bomba Pelateh dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Kelayakan2 :

(a) Umor — Di-antara 18 hingga 28 tahun.

(b) Tinggi — Sekurang2nya lima kaki empat inchi.

(c) Dada — Sekurang2nya tiga puluh empat inchi bila dikempiskan.

(d) Pelajaran — sa-orang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut hendak-lah lulus sekurang2nya Darjah IV Sekolah Melayu atau darjah yang serupa dalam Sekolah Inggeris atau lain2 Sekolah;

(e) Ujian — Saorang pemohon sa-patutnya tidak memakai kacha mata dan mesti-lah lulus pepercayaan doktor untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Bomba.

Gaji :

Mulai dari \$160.00 sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuaskan akan di-naikkan menjadi Ahli Bomba Peringkat Kedua ("Second Class Firemen") dengan gaji \$184.00 sa-bulan dalam tingkatan gaji \$184x4-212. Pakaian seragam dan kasut perchuma di-adakan. Driver2 Ahli Bomba akan di-beri Alaon Driver se-banyak \$10.00 sa-bulan tiap2 sa-orang.

Tempat Kumpulan Pengambilan :

Semuai pemohon2 ada-lah diminta hadir ka-tempat kumpulan pengambilan di-Ibu Pejabat Bomba, Bandar Brunei di-masa hari bekerja tiap2 hari mulai daripada 20-2-64 hingga 27-2-64 kecuali hari2 kelepasan untuk menghadapi dugaan2 kekuatan dan pemerekaan bagi kelayakan2

mereka.

Semua chalun2 hendak-lah membawa bersama mereka Sijil2 Beranak, Sijil2 pelajaran, 2 keping gambar (passport size) se-masa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

Borang2 permohonan tidak akan di-beri kapada chalun2 jika

mereka tidak lulus kelayakan2 yang tersebut di atas sa-chara permulaan.

Pemohon2 yang dahulu ada membuat permohonan untuk jawatan yang tersebut di-kehendaki memohonkan sa-mula jika mereka layak mengikut sharat2 yang tersebut di atas.

PULIS BAHARU

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang di-Bawah Na-ongan British peranan Brunei untuk berkhidmat sa-bagi Pulis Baharu dalam Pasukan Pulis Brunei dan dengan sharat mereka mempunyai kelayakkann2 berikut:—

Pelajaran — Darjah VI Sekolah Melayu atau Primary VI Sekolah Inggeris.

Umor — Antara 18 dan 28 tahun.

Tinggi — Sekurang2nya 5' 2". Dada — Sekurang2nya 31"

bila tidak menarek napas dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Gaji — \$160.00 sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia menjalani latehan di-Malaya.

Borang2 permohonan boleh diperolehi daripada Ibu Pejabat Pulis Daerah, Brunei atau Panaga.

Borang2 yang sudah di-pehnohkan hendak-lah di-kembalikan ka-Ibu Pejabat Pulis, Brunei, tidak lewat dari 21 Februari, 1964.

WAKTU2 SEMBAYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19 Februari hingga ka-hari/Sabtu 29 Februari, 1964 ada-lah saperti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
19	5.01	5.16	12.42	4.02	6.38	7.50
20	5.00	5.15	12.41	4.01	6.38	7.50
21	5.00	5.15	12.41	4.01	6.38	7.50
22	5.00	5.15	12.41	4.01	6.38	7.50
23	4.59	5.14	12.41	4.01	6.38	7.50
24	4.59	5.14	12.41	4.01	6.38	7.50
25	4.59	5.14	12.41	4.01	6.38	7.50
26	4.59	5.14	12.41	4.01	6.38	7.50
27	4.59	5.14	12.41	4.01	6.38	7.50
28	4.58	5.13	12.40	4.00	6.38	7.50
29	4.58	5.13	12.40	4.00	6.38	7.50

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PERADUAN RATU KEBAYA

KAMPONG PANDAI BESI.— Puan Dara binti Awang Ahmad, sa-orang wanita dari Kampong Pandai Besi "B", dengan memakai pakaian Kebaya Modern, telah berjaya menyandang gelaran "Ratu Kebaya Kampong Pandai Besi "B" di-temasha Malam Aneka Warna Sambutan Hari Raya Aidil Fitri.

Temasha itu telah di-adakan di-bangunan Sekolah2 Ugama dan Melayu Dewasa Kampong Pandai Besi "B" pada malam 16 Februari.

Gelaran naib johan peraduan tersebut telah di-menangi oleh Dayang Ramlah binti Awang Damit dan Dayang Tiapnah binti Awang Damit pula telah mendapat gelaran yang ke-tiga dalam peraduan itu.

Puan Catherine Loh sa-orang Ratu Chantek tempatan yang telah mendapat gelaran "Miss Malaysia Tahun 1963" telah "memahkotakan" Ratu Kebaya tersebut serta juga menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 yang lain dalam peraduan Ratu Kebaya itu.

Berbagai2 achara yang meriah telah di-persembahkan di-temasha tersebut, di-antara-nya ia-lah Peraduan Nyanyian kanak2 dan orang2 dewasa lelaki dan perempuan, sandiwara, persembahan lawak jenaka nyanyian2 dan tarian2.

"Pelamin Berdarah"

KAMPONG KERIAM.— Satu temasha Malam Seni Drama dan Budaya telah di-persembahkan oleh Persatuan Melayu Keriam di-Dewan Tunas Harapan P.M.K.T., pada malam 16 Februari.

Temasha tersebut telah di-adakan sa-bagi mengambil sempena pembukaan rasmi Dewan persatuan tersebut dan juga kerana menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

"Pelamin Berdarah", ia-itu sa-buah sandiwara dan sa-buah lagi sandiwara berjodol "Ke'adilan Ilahi" telah di-persembahkan di-temasha tersebut.

Di-antara lain2 achara yang telah di-persembahkan di-temasha itu ia-lah panchak silat, lawak jenaka, nyanyian2 dan tarian2.

Ternasha itu di-akhiri dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negeri Brunei pada pertengahan malam.

PEMBUKAAN DARJAH DEWASA

BANDAR BRUNEI.— Darjah2 Dewasa Membenteras Buta Huruf di-seluroh Negeri Brunei akan di-buka pada hari Rabu 19 Februari, 1964.

Darjah2 itu akan di-sambong saperti biasa. Demikian menurut Surat Keliling yang di-terbitkan oleh Pengarah, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

SEJARAH TRENGKAS

SAMBONGAN Sejarah Trengkas yang di-siarkan di-muka ini telah di-tanggohkan buat sememata sejenak beberapa siaran yang lalu akbar ini oleh kerana berapa sebab yang tidak dapat di-elakkan.

Pada tahun masehi 1588, bukan tahun masehi 1688 yang telah di-siarkan dalam siaran yang lalu, baru-lah Trengkas chara moden atau chara baru dapat di-terbitkan.

Sambongan sa-lanjutnya adalah di-siarkan seperti berikut:

"Characterie" telah di-chipta oleh sa-orang Doctor of Physics bernama Timothe Bright, yang telah mengemukakan chiptaan-nya itu kapada Queen Elizabeth I. System ini telah mendapat sambutan yang baik dari peminat-nya, di-mana mereka di-tunjukkan chara2 menulis dengan pantas.

KAMUS TRENGKAS

Sa-buah kamus telah dapat di-terbitkan oleh penchipta, untuk panduan penuntut2-nya. Antara lain2 penuntut-nya, kita dapat Miss Jane Seager yang telah dapat di-chatit dalam sejarah dunia, sa-bagai sa-orang wanita yang pertama sa-kali menjadi Juru Trengkas. Chuntoh2 tulisan-nya boleh kita dapat di-sekolah gambar British di-Britain bertarikh pada tahun 1590.

Dari sini dapat-lah kita membuktikan bahawa ilmu Trengkas pada masa itu belum lagi mendapat sambutan yang baik dari pehak wanita kalau di-bandangkan dengan yang ada pada masa ini.

Pada tahun 1590 Peter Bale telah berjaya mengchipta sa-buah Trengkas dengan chara memendek2kan tulisan biasa.

AHLI RAFAL-SENI

Riawayat hidup beliau sejak dari kecil tidak dapat di-ketahu, tetapi apabila beliau berumur 28 tahun, beliau telah di-kenali sa-bagai "Calligraphist" atau sa-orang ahli Rafal-seni ia-itu sa-orang yang boleh menulis dengan menyusun ejaan sa-suatu perkataan dengan berbentuk benda atau binatang, mengikut maana perkataan2 itu, misalnya 'burong', di-ator ejanya dengan mengikut susunan sa-hingga merupakan sa-ekor burong dan demikian-lah saterusnya dengan perkataan2 yang lain.

Dalam tahun 1618, Edmund Willis telah dapat menerbitkan system-nya dan di-ikuti oleh William Mason. Beliau telah berjaya mengeluarkan chiptaan-nya sa-banyak tiga kali berturut2 ia-itu pada tahun 1672, 1682, dan 1709 dengan perubahan2 yang membawa kemajuan tetapi tidak-lah di-ketahui apakah jenis2 system yang telah di-gunakan oleh mereka2 itu.

Pada tahun 1750, Thomas Gurney telah berjaya mengchipta sa-buah system Trengkas yang

(Oleh Abu Naim Mohd. Said)

telah di-petek dari system2 Trengkas yang telah di-chipta oleh pakar2 Trengkas yang terdahulu daripada-nya. System beliau ini ada-lah chukop mashhor dan mendapat sambutan yang baik di-kalangan peminat2-nya.

Sejarah telah menerangkan bahawa system Gurney ini-lah yang telah di-gunakan untuk menchaitit pembicharaan2 yang di-jalankan di-Mahkamah2 Tinggi di-Old Bailey dan juga sa-buah system yang mula2 sa-kali dapat di-gunakan dalam Parlimen British di-London.

PENGARANG NOVAL

Sa-orang Novelist yang tidak asing lagi pada masa itu, ia-itu Charles Dickens, telah dapat menjadi sa-orang penulis yang mahir.

Charles Dickens ada-lah sa-orang kerani peguam dalam mahkamah2 di-London dan dari chatitan2 yang telah di-buat-nya ini-lah yang membolehkan beliau dapat mempelajari berbagai2 tabi'at manusia yang mendatangkan satu ilham kapada beliau untuk mengarang beberapa buah noval.

Dengan tabi'at dan perangai2 manusia yang bermacam2 ini-lah beliau guna-kan dalam watik2 rekaan-nya yang menjadikan noval beliau itu sa-olah2 hidup dan menarek minat pem-baca2-nya.

Pendek kata dari sa-tahun ka-sa-tahun dan dari satu kurun ka-sa-tahun perkembangan Trengkas sa-makin bertambah maju dan membawa perubahan2 yang luar biasa.

Seterusnya John Byron telah berjaya mengchipta sa-buah system Trengkas pada tahun 1767 yang telah dapat mempengaruhi bangunan2 dan seni garisan2 Trengkas kira2 100 tahun kemudian-nya.

PAKAR TRENGKAS

Pakar2 Trengkas akhir-nya dapat membezakan garisan2 yang berbunyi lembut dan berbunyi keras dengan chara menebal dan menipiskan garisan2 atau memendek dan memanjangkan garisan2 dan mengadakan huruf2 saksi yang dapat di-sambong dengan senang di-antara satu sama lain.

Antara pakar2 Trengkas yang terkenal bagi menyusun dan merabitka kaedah yang saperti ini ia-lah Williamson dalam Tahun Masehi 1775. Taylor T.M. 1786 Mayor, T.M. 1778, dan Harding, T.M. 1823.

Sir Isaac Pitman pula sa-telah mengkaji dan memetek beberapa system yang terdahulu daripada beliau, telah berjaya mengubah sa-buah system-nya sendiri dalam tahun 1837. System ini di-tulis dengan menggunakan garisan2

huruf yang berkeadaan tebal dan tipis sa-bagai membezakan bunyi atau phonotic sa-suatu perkataan.

System Pitman ini tidak mempunyai huruf2 saksi, tetapi sabagai mengganti-nya, di-tulis dengan mempunyai kedudukan khas mengikut bunyi perkataan itu. Ini bermamaan bahawa system Pitman ini terpaksa di-tulis di atas kertas yang mempunyai garisan2, di-sebabkan huruf2-nya ada mempunyai 3 kedudukan yang berlainan bunyi, ia-itu i) terletak di-atas garisan ii) terletak menerusi garisan iii) terletak di-bawah garisan buku.

Sir Isaac Pitman telah menamakan system-nya ini "Stenographic Soundhand," yang bermamaan Trengkas vang di-tulis dan di-eja dengan mengikut bunyi sa-suatu perkataan yang di-lafazkan. Sir Isaac telah dapat membukukan system-nya ini dan menawarkan buku-nya itu dengan harga yang murah dengan maksud untuk memberi peluang kepada peminat2 yang bukan hanya orang2 kaya malah juga orang2 miskin.

SYSTEM PITMAN

Dengan chara yang seperti ini system Pitman telah beransur maju dari sa-hari ka-sa-hari dan boleh-lah di-katakan, bahawa system ini telah dapat berkembang dengan baik sa-hingga ka-hari ini.

Dalam negeri Jarman, system yang berchurak saperti system Pitman ini ia-itu mempunyai garisan2 tebal dan tipis dan juga mempunyai kedudukan2 yang khas telah munchoh ka-dalam dunia persuratan.

Kaedah ini telah di-kenali sa-

bagai system "Gabelsberger" yang di-terbitkan dalam tahun Masehi 1834.

Satu perubahan baru telah dapat di-ketahui apabila ahli2 sejarah sa-buah system Trengkas yang di-terbitkan dalam negeri Perancis yang telah di-chipta oleh Duploye dalam tahun Masehi 1868. System ini tidak mempunyai garisan2 tebal dan tipis dan kedudukan sa-suatu huruf tidak di-tentu-kan.

PENULIS BEBAS

Berbeza dengan system2 Trengkas yang lain yang telah saya terangkan, Trengkas kaedah ini ada mempunyai huruf2 saksi yang di-tulis di-atas garisan2-nya yang dapat di-tulis dengan lancar dan chekap. Penulis2 yang memakai system ini ada-lah merupakan bebas di-sebab-kan mereka boleh menulis sama ada di-atas kertas yang mempunyai garisan2 atau pun di-sebak-nya.

Kebebasan yang di-dapat dalam menulis system yang seperti ini ada-lah sa-bagai satu langkah yang membawa ka-arah kemanjuan.

Thomas Anderson, sa-orang penchipta Trengkas dalam Tahun Masehi 1882, telah pernah mengarang sa-buah buku yang di-beri nama "Catechism of Shorthand" atau Chara2 menulis Trengkas. Antara lain beliau menegaskan bahawa Trengkas hendak-lah di-tulis sa-bagai mana yang semesti-nya dan dia mesti-lah di-tulis mengikut tulisan biasa.

Semua garisan2 di-tulis menghalau ka-arah satu chondong ka-hadapan sahaja dan tidak ada perbezaan di-antara garisan2 tebal dan garisan2 tipis serta saksi2 hendak-lah di-gunakan de-nungan chekap-nya.

(Bersambong)

Kurniaan Pingat Perjuangan Kapada Orang2 Awam

BANDAR BRUNEI. — Satu tuduhan telah di-buat menerusi akbar "Borneo Bulletin" oleh sa-orang peminat akbar itu yang memakai nama samaran "Ra'ayat Jati" pada 18 Januari, 1964 bahawa kurniaan Pingat2 kerana keberanian pada masa berlaku pen-derhakaan dalam bulan Disember tahun 1962, telah di-buat sechara membedakan2.

Tuduhan tersebut telah di-sifatkan oleh Pemangku Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei Yang Berhormat Inche Salleh Kadir sa-bagai tidak benar.

"Ra'ayat Jati" berkata bahawa hanya Pengiran2 dan ketua2 dari beberapa jabatan sahaja yang di-kurniakan Pingat2 kerana keberanian pada masa berlaku pen-derhakaan tersebut.

Yang Berhormat Inche Salleh Kadir berkata bahawa sa-kiranya penulis itu menumpukan pendapat-nya kapada Pingat Perjuangan, maka tuduhan-nya itu tidak-lah betul.

Satu pengkajian terhadap sinarai kurniaan akan dapat menunjukkan bahawa orang2 yang menerima Pingat Perjuangan itu ada-lah anggota2 Pasukan Keselamatan.

Pingat2 yang lain di-kurniakan kapada orang2 yang tidak berkhidmat dengan Pasukan2 Keselamatan, di-Negeri Brunei.

Yang Berhormat Inche Salleh Kadir menambahkata bahawa pertimbangan sudah pun di-kemukakan kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk kurniaan Pingat Perjuangan kapada orang2 awam yang berhak menerima-nya.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI

Memperolehi Kejayaan



M. J. ADENANY

Johan : Bahagian Penyanyi Lelaki Yang Terbaik Sa-kali.



IDRIS MOHAMED

Johan : Asli Bahagian Lelaki.

Menghadiri Perhimpunan Guru2 Sa-Dunia

BERAKAS. — Empat orang Wakil2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah berangkat dengan kapal terbang ka-Bangkok, Thailand pada petang hari Juma'at 14 Februari, 1964 untuk menghadiri Perhimpunan Pertubuhan Guru2 Sa-Dunia, bagi Kawasan Asia.

Mereka ia-lah Inche Shahbuddin bin Saleh, Yang Dipertua, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei; Inche Umar bin Muhammad, Setia Usaha Agong P.G.G.M.B., Inche Noordin bin Abdul Latif, Ketua Badan Pemegang Amanah P.G.G.M.B., dan Inche Kifli bin Bujang, Setia Usaha Perhubungan Luar Negeri P.G.G.M.B.

Menurut keterangan sa-orang Juruchakap rombongan tersebut, Perhimpunan Guru2 Sa-Dunia itu di-adakan mulai dari 16 Februari dan akan tamat pada 23 Februari.

Tajok perbinchanan perhimpunan tersebut ia-lah, "Meluaskan pengertian antara-bangsa melalui pengajaran mengenai Pertubuhan Bangsa2 Bersatu."

Maksud di-adakan perhimpunan tersebut, kata beliau lagi, ia-lah untuk memberi contoh berjenis2 perinchian untuk ahli2 perhimpunan Pertubuhan Guru2 Sa-Dunia yang mungkin menchuba meluaskan lagi pengertian Antara Bangsa.

BANDAR BRUNEI. — Biduan M. J. Adenany dari Daerah Tutong telah berjaya menjadi johan bahagian lelaki dalam Pertandingan Bintang Radio Seluroh Brunei Tahun 1964, manakala Biduanita Norleha Mohamed Noor dari Daerah Belait pula telah berhasil menyandang gelaran johan bahagian wanita dalam Pertandingan Bintang Radio Seluroh Brunei, Tahun 1964.

Pertandingan menyanyi itu telah di-langsangkan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada malam hari Isnin 17 Februari dibawah anjoran Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-saksikan oleh berbil2 orang dari berbagai2 bangsa.

Sa-belum pertandingan itu dimulai satu uchapan telah di-lafazkan oleh Pemangku Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdur Kadir.

Beliau telah mengucapkan ribuan terima kaseh kepada para penonton yang begitu ramai datang ka-Padang Besar Bandar Brunei pada malam tersebut untuk menyaksikan Pertandingan Bintang Radio itu.

Yang Berhormat Inche Salleh Kadir berkata dalam uchapan-nya di-majlis tersebut bahawa "dengan kunjongan tuan2 dan puan2 beramai2 pada malam ini, nyatalah memberikan sumbangan dan sokongan penoh terhadap pertandingan pada malam ini."

Beliau berharap agar-nya penyanyi2 yang telah mewakili daerah masing2 dalam pertandingan tersebut akan dapat menunjukkan kehandalan dan kebolehan mereka.

Yang Berhormat Inche Salleh Kadir telah mengucapkan tahniah terlebih dahulu



NORSIAH A. HAMID

Naib Johan : Bahagian Penyanyi Wanita Yang Terbaik Sa-kali.

kapada penyanyi2 yang kelak berjaya dalam pertandingan itu sambil berkata kapada penyanyi2 yang kelak tidak berjaya, "janganlah hendaknya berkecil hati, tetapi chuba dan chuba lagi di-masa2 yang akan datang hingga kita berjaya kamatalamat yang kita tujuhan itu."

Hadih2 kapada biduan2 dan biduanita2 yang berjaya dalam pertandingan menyanyi itu telah

di-sampaikan oleh Yang Mulia Datin Zubaidah, ia-itu isteri Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un.

KEPUTUSAN

Keputusan Pertandingan Bintang Radio Seluroh Brunei Tahun 1964 ada-lah seperti berikut:

LANGGAM LELAKI: Johan — A.T. Ahmad dari Daerah Brunei/Muara Naib Johan — M.S. Bakri dari Daerah Brunei/Muara Pemenang Ketiga — Bujang Mezenis dari Daerah Belait.

LANGGAM WANITA: Johan — Norleha Mohamed Noor dari Daerah Belait. Naib Johan — Siti Mariam Yusoff dari Daerah Brunei/Muara. Pemenang Ketiga — Norsiah A. Hamid dari Daerah Brunei/Muara.

ASLI LELAKI: Johan — Idris Mohamed dari Daerah Brunei/Muara. Naib Johan — M.J. Adenany dari Daerah Tutong. Pemenang Ketiga — Awangku Emran Pengiran Manai.

ASLI WANITA: Johan — Norleha Mohamed Noor dari Daerah Belait. Naib Johan — Dayangku Rosnah Pengiran Manai dari Daerah Brunei/Muara. Pemenang Ketiga — S. Mahani dari Daerah Belait.

BAHAGIAN PENYANYI LELAKI YANG TERBAIK SA-KALI: Johan — M.J. Adenany dari Daerah Tutong. Naib Johan — Idris Mohamed dari Da-



DAYANGKU ROSNAH PENGIRAN MANAI

Pemenang Ketiga : Bahagian Penyanyi Wanita Yang Terbaik Sa-kali.

rah Brunei/Muara, Pemenang Ketiga — Bujang Mezenis dari Daerah Belait.

BAHAGIAN PENYANYI WANITA YANG TERBAIK SA-KALI: Johan — Norleha Mohamed Noor dari Daerah Belait. Naib Johan — Norsiah A. Hamid dari Daerah Brunei/Muara. Pemenang Ketiga Dayangku Rosnah Pengiran Manai dari Daerah Brunei/Muara.



NORLEHA MOHAMED NOOR

Johan : Bahagian Penyanyi Wanita Yang Terbaik Sa-kali.
Johan : Asli Bahagian Wanita.
Johan : Langgam Bahagian Wanita.



A. T. AHMAD

Johan : Langgam Bahagian Lelaki.

Pertandingan menyanyi tersebut telah di-hakimkan oleh Inche Ja'afar Hassan, Inche Al-Johari, Inche Musa Hitam dan Inche Ibrahim Ariff.

Perlu di-beritakan untuk pengetahuan orang2 yang tidak menyaksikan pertandingan tersebut, bahawa pada masa pertandingan itu di-jalankan, Juruhebah Dayangku Intan tidak menyebutkan nama penyanyi2 yang bertanding. Ia hanya menyebutkan bilangan penyanyi2 yang berkenaan saha-ja.

Pada masa itu ke-empat2 orang hakim pertandingan tersebut telah bertugas di-Studio Radio Brunei menghakimkan pertandingan itu.

Satu persembahan Gembira Ria telah di-adakan di-temasha tersebut sa-belum hadiah2 di-sampaikan kepada penyanyi2 yang berjaya. Beberapa orang penyanyi yang telah berjaya menyandang gelaran "Bintang Radio Brunei" pada tahun2 yang lalu telah memperdengarkan suara mereka.

Selain dari itu tiga orang "Raja2 Kelakar Tempatan" ia-itu Saudara2 Ahmad Arshad, Yassin dan Zaidi telah mempersembahkan lakonan2 jenaka mereka yang istimewa di-temasha tersebut.

Sementara itu sa-baik sa-haja selesai pertandingan tersebut, Bintang Radio Brunei Tahun 1964, Bahagian Lelaki, M.J. Adenany dan Bintang Radio Brunei Tahun 1964, Bahagian Wanita — Norleha Mohamed Noor berkata kapada sa-orang Wartawan, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dengan tersenyum bahawa mereka bersa gembira kerana telah dapat menyandang gelaran2 tersebut